

Iqbal galak siswazah berdikari

BH ms 12 12/09/19

Bangi: Berpegang pada kata-kata motivasi Robert Kiyosaki, 'Jalan paling cepat untuk kestabilan kewangan adalah dengan penyelesaian masalah. Semakin besar masalah diselesaikan, semakin besar pendapatan diperoleh', mendorong Muhammad Iqbal Farid, 26, untuk bersedia menempuh dunia sebenar apabila tamat pengajian nanti.

Pelajar Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu tidak lokek memberi nasihat kepada rakan dan belia melalui pembabitannya dalam program kesukarelawanan mengenai pentingnya seseorang bijak mengurus kewangan terutama dalam keadaan ekonomi negara yang semakin mencabar.

"Impian saya mengikuti jurusan MBA ini adalah untuk membina masyarakat yang lebih matang menilai atau berfikir dan bijak mengurus kewangan.

"Keadaan ekonomi pada masa ini tidak sama seperti zaman ibu bapa kita. Jika dahulu apabila seseorang berjaya memasuki universiti dan memperoleh keputusan cemerlang, sudah tentu mereka akan mendapat gaji besar atau hidup selesa," katanya.

Beliau yang aktif dalam pelbagai pertubuhan sukarelawan itu berkata, kini peluang pekerjaan semakin berkurangan, selain kerjaya yang memerlukan kemahiran manusia banyak diganti

PROFIL

MUHAMMAD IQBAL FARID SAIFUL BAHRI

- Nama panggilan: Iqbal
- Tarikh lahir: 13 Februari 1993
- Asal: Selangor
- Kedudukan dalam keluarga: Anak kedua daripada enam beradik
- Pendidikan:
 - Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Astronomi, Universiti Malaya (UM)
 - Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) UKM

dengan sistem automasi.

"Kelulusan dan keputusan bagus sahaja tidak cukup untuk melayakkan seseorang mendapat pekerjaan berikutan berdepan dengan persaingan yang cukup sengit pada masa ini.

"Saya melihat keupayaan seseorang mengawal kewangan sendiri tanpa bergantung kepada kerajaan atau majikan semata-mata untuk mencari pendapatan yang mampu mengatasi masalah pengangguran kini," katanya yang turut aktif dalam aktiviti syarikat penyelesaian digital menggunakan e-dagang.



Muhammad Iqbal tidak lokek memberi nasihat mengenai pengurusan